

## **KREDIBILITI SULTAN AHMAD DALAM PERISTIWA PEMBERONTAKAN PAHANG (1891-1895)**

Amnah Saayah Ismail

Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan  
Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sg Besi 57000 Kuala Lumpur  
Tel: +60123237260 E-Mail: [amnah@upnm.edu.my](mailto:amnah@upnm.edu.my)

Burhanuddin Jalal

Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan  
Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sg Besi 57000 Kuala Lumpur  
Tel: +6013992976 E-Mail: [burhanuddin@upnm.edu.my](mailto:burhanuddin@upnm.edu.my)

Nurhana binti Mohamad Rafiuddin

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sg Besi 57000 Kuala Lumpur  
Tel:+60 139698262 E-Mail: [nurhana@upnm.edu.my](mailto:nurhana@upnm.edu.my)

Aida Nasirah binti Abdullah

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sg Besi 57000 Kuala Lumpur  
Tel:+60 137721961 E-Mail: [aidanasirah@upnm.edu.my](mailto:aidanasirah@upnm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Pahang menyaksikan peralihan residen pertama British pada tahun 1888 dan dua tahun selepasnya berlaku sebuah peristiwa besar yang dikenali sebagai peristiwa pemberontakan Pahang. Peristiwa ini merupakan manifestasi rasa tidak senang dan antipenjah rakyat Pahang terhadap kedatangan British. Di sebalik peristiwa ini terdapat seorang sultan yang mempunyai kehebatan luar biasa yang menjadi harapan dan taruhan rakyat dan penjajah British. Baginda yang dimaksudkan ialah Sultan Ahmad. Justeru kertas kerja ini akan melihat nilai-nilai kepimpinan dan kredibiliti baginda sebagai seorang sultan yang disayangi rakyat. Penulisan ini akan menggunakan analisis kandungan dan kajian kepustakaan sebagai metodologi. Menerusi penulisan ini didapati bahawa Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang pintar dan disayangi seluruh rakyat Pahang. Baginda dilihat berdolak dalik dengan pelbagai alasan sehingga berjaya melengahkan kemasukan kuasa British ke atas Pahang. Meskipun akhirnya British berjaya menjajah negeri Pahang, Sultan Ahmad dilihat sukar difahami dan dibaca pendiriannya oleh pihak British sehingga apabila peristiwa pemberontakan Pahang ini berlaku British masih gusar dengan tindak tanduk baginda. Pelbagai tindakan dikenakan British bagi mengurangkan pengaruh Sultan Ahmad ke atas pejuang Pahang. Namun ia tidak mengurangkan sama sekali kasih baginda terhadap rakyatnya. Baginda berjaya menampilkan kredibiliti sebagai seorang ketua tradisi yang disegani dan dihormati rakyat serta digeruni pihak musuh.

**Kata kunci:** *Kepimpinan, Sultan Ahmad, Pahang, Abad ke-19 Masihi*

## **PENDAHULUAN**

Pahang merupakan salah sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang menerima kedatangan penjajah British secara rasminya pada tahun 1888. Perlantikan J. P Rodger merupakan titik mula kepada rasa tidak puas hati, tidak tenteram dan tidak senang dalam kalangan rakyat Pahang. Keadaan tersebut juga memberi tekanan besar ke atas pentadbiran tradisi sedia ada yang diketuai oleh Sultan Ahmad. Sultan Ahmad mempunyai pembesar dan orang kanannya yang tersendiri. Pengenalan sistem-sistem baharu seperti penubuhan pasukan polis, mahkamah dan pembentukan undang-undang baharu juga telah menyebabkan kuasa Sultan Ahmad terhad kepada urusan adat-adat Melayu dan agama Islam sahaja.

Sultan Ahmad berusaha menangani kemelut penjajahan dengan begitu teliti. Ia mencerminkan keperibadian baginda sebagai seorang pemerintah tertinggi di negeri Pahang. Kasih sayang baginda terhadap rakyat dan para pembesar jelas terlihat dalam peristiwa pemberontakan Pahang. Peristiwa ini merupakan sebuah peristiwa yang besar dan membuktikan kehebatan orang Pahang dalam sebuah pertempuran. Sokongan dan kesepakatan seluruh rakyat Pahang termasuk masyarakat orang asli dapat dilihat sepenuhnya ketika peristiwa pemberontakan ini berlaku. Ia hasil kepimpinan dan keseragaman pentadbiran Sultan Ahmad ketika menaungi kerajaan negeri. Justeru kertas kerja ini akan membincangkan kredibiliti Sultan Ahmad dalam peristiwa pemberontakan Pahang yang akan mengupas peribadi baginda sebelum dan semasa peristiwa pemberontakan berlaku.

## **METODOLOGI PENULISAN**

Penulisan kertas kerja ini menggunakan metodologi kualitatif dengan penekanan kepada analisis kandungan dan kajian kepustakaan. Kaedah ini memerlukan pengkaji menggunakan bahan-bahan seperti buku, artikel jurnal, dokumen dan lain-lain lagi serta perlu menganalisis baha-bahan tersebut. Pemilihan kaedah ini juga disebabkan tiada pengukuran atau teknik statistik dan penemuan yang dihasilkan juga tidak melalui prosedur statistik atau cara kaedah kuantiti yang lain. Bagi menganalisis kredibiliti Sultan Ahmad dalam peristiwa pemberontakan Pahang, kajian ini memilih analisis kandungan sebagai rekabentuk kajian. Secara terperinci ia merupakan keperluan kajian untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan melalui bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Segala maklumat yang diperoleh digunakan terutamanya untuk menyokong, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji supaya kefahaman terhadap tajuk kajian dapat dikuasai.

## **LATAR BELAKANG SULTAN AHMAD**

Sultan Ahmad sebelum digelar sebagai sultan lebih dikenali dengan nama Bendahara Wan Ahmad. Baginda telah dilantik sebagai pemerintah negeri Pahang secara rasminya oleh Orang-orang Besar Pahang. Baginda merupakan Sultan Pahang yang pertama dalam keturunan bendahara yang menggunakan gelaran sultan bagi mewujudkan kesultanan yang sebelum ini di bawah Raja Bendahara Pahang. Ia bermula dengan kemangkatan Bendahara Tun Ali kemudiannya digantikan oleh Tun Mutahir pada tahun 1857 yang memerintah sehingga tahun 1863 (Linehan, 1936).

Semasa pemerintahan Bendahara Tun Mutahir pergolakan mula berlaku antara baginda bendahara dengan Tun Ahmad yang merupakan saudaranya sendiri. Perang saudara ini memakan masa yang panjang dan menghabiskan masa keemasan pertengahan abad ke-19 Masihi yang sepatutnya dipenuhi dengan pengukuhan kuasa negeri Pahang itu sendiri. Perbalahan antara Tun Mutahir dan Tun Ahmad berakhir dengan kemenangan di pihak Tun Ahmad. Tun Ahmad kemudiannya ditabalkan dengan gelaran Bendahara Ahmad pada tahun 1863 dan kemudiannya diisytiharkan sebagai Sultan Ahmad pada 6 Ogos 1882. Manakala pada 12 Disember 1884 Sultan Ahmad telah ditabalkan sebagai Sultan Ahmad al-Muazzam Shah Ibn al Marhum Bendahara Ali (Mujani et al., 2014).

Apabila berlaku peristiwa pemberontakan Pahang tersebut, watak Sultan Ahmad menjadi tumpuan semua pihak terutama penjajah British dan seluruh rakyat negeri Pahang. Rakyat menjadi tertanya-tanya apakah pendirian sebenar Sultan Ahmad ketika berhadapan dengan penjajah British dan para pembesar yang bangkit menentang kedatangan British. Semua ini mempamerkan kebesaran jiwa dan kredibiliti tertinggi Sultan Ahmad sebagai seorang ketua negeri. Membaca keseluruhan perjalanan peristiwa pemberontakan Pahang boleh membawa kita menyelami jiwa dan gelodak hati baginda sebagai seorang pemerintah. Penjajah British berkuasa penuh dan hadir dengan penuh tipu muslihat dan ancaman. Manakala Sultan Ahmad yang sekian lama memerintah secara tradisi berada dalam keadaan dilema antara menjaga kedudukan baginda dan kasih sayangnya terhadap rakyat jelata.

### **PEMBERONTAKAN PAHANG**

Peristiwa pemberontakan Pahang berlangsung sebanyak dua siri antara 1891-1895. Peristiwa ini merupakan sebuah peristiwa bagi menzahirkan perasaan antipenjajah rakyat Pahang terhadap kehadiran penjajah British di negeri Pahang. Peristiwa ini diketuai oleh Dato' Bahaman dan diikuti oleh ramai lagi pejuang Pahang antaranya Tok Gajah, Mat Kilau, Mat Lela dan lain-lain lagi. Pemerintah Pahang pada waktu itu adalah Sultan Ahmad. Sultan Ahmad berada dalam keadaan dilema dan berbelah bahagi antara kasih sayang baginda terhadap rakyat Pahang dan hubungan politik dengan pihak British (Mujani, Ismail, Resad, & Shah, 2014). Antara faktor-faktor berlakunya peristiwa ini adalah disebabkan rasa kurang senang dengan perlantikan pegawai British iaitu J. P Rodger sebagai residen Inggeris pertama di Pahang pada tahun 1888. Perlantikan residen ini menandakan peralihan kuasa dari sultan ke kerajaan British (Aruna, 1993). Selain itu, pengenalan sistem-sistem baharu yang menggantikan pemerintahan tradisi di bawah Sultan Ahmad seperti penubuhan mahkamah, pasukan polis, majlis negeri dan pembentukan undang-undang baru telah menambah kebencian orang Pahang terhadap penjajah British. Pembesar tempatan hilang kuasa pentadbiran selain Sultan Ahmad juga hanya berkuasa terhadap perkara adat-adat Melayu dan agama Islam sahaja. Campur tangan British dalam pentadbiran negeri Pahang telah mengganggu dan merosakkan sistem pentadbiran tradisi yang suda lama diamalkan di negeri Pahang (Linehan, 1936).

Kemuncak kebencian orang Pahang terhadap penjajah British adalah apabila Dato' Bahaman dilucutkan jawatan sebagai pembesar Pahang. Ia julung kali berlaku di negeri Pahang dan menyebabkan rasa tidak tenteram tersebut semakin memuncak. Justeru pemberontakan yang ditakuti oleh pihak British akhirnya benar-benar berlaku. Terdapat dua siri pemberontakan Pahang yang berlaku sepanjang tahun 1891 sehingga 1895. Pemberontakan Pahang yang pertama menyaksikan semangat perjuangan dan peperangan luar biasa dalam kalangan pejuang

Pahang. Ia bermula di Lubuk Terua (Morrah, 1963). Pelbagai strategi yang digunakan oleh para pejuang yang diketuai oleh Dato' Bahaman bagi memastikan kemenangan menyebelahi pasukan Pahang. Begitu juga dengan pihak British yang diketuai oleh Desborough telah memberi serangan balas ke atas pejuang Pahang. J. P Rodger ketika itu tiada di Pahang dan sedang memangku tugas residen di Selangor (Linehan, 1936). Serangan balas British tersebut menyebabkan pasukan Pahang telah mengundur diri ke Kelantan dan kemudiannya bergerak ke Terengganu. Pasukan pejuang Pahang dilihat seperti sedang mengalami kekalahan akibat pengunduran tersebut. Namun sebenarnya pengunduran tersebut memberi peluang kepada pasukan Pahang untuk mengatur strategi peperangan yang lebih kuat dan hebat serta tidak terjangkau oleh pihak British.

Pemberontakan Pahang tidak terhenti dengan pengunduran Dato' Bahaman dan pasukannya ke Kelantan dan Terengganu. Tempoh 2 tahun pejuang berdiam diri membuat persediaan rapi untuk membuktikan kebencian mereka terhadap penjajah British. Bermulalah siri kedua pemberontakan Pahang yang menyaksikan terdapat elemen kerohanian dalam pemberontakan terbaharu mereka. Di Paloh terdapat seorang ulama terkemuka iaitu Tok Ku Paloh yang berperanan menyuntik elemen keagamaan dalam perjuangan pejuang Pahang. Tok Ku Paloh mengukuhkan kefahaman agama sedia ada pejuang Pahang bagi memastikan siri pemberontakan kedua tersebut berlangsung dengan jayanya (Ismail, Shah, Mujani, & MdRessad, 2014). Laungan jihad sabil melawan *kuffar* menjadi penyuntik semangat kepada pejuang Pahang beserta alatan ketenteraan yang diukir dengan ayat suci al-Quran. Para pejuang berjuang dengan penuh semangat atas tujuan menghalau penjajah British dari bumi Pahang. Kubu Jeram Ampai menjadi taruhan. Pihak British juga menghantar beratus-ratus orang Polis untuk memberi serangan balas ke atas pejuang Pahang. Namun akhirnya pasukan terpaksa mengundur diri kerana tidak berdaya melawan serangan hebat dari pasukan British (Morrah, 1963). Peristiwa pemberontakan Pahang berakhir dengan penguasaan British ke atas kubu Jeram Ampai. Namun ia merupakan sesuatu yang amat memuaskan hati di pihak pejuang Pahang kerana berjaya menzahirkan rasa kebencian mereka terhadap penjajah British dan kerugian besar yang tidak terjangkau oleh mereka.

### **KREDIBILITI SULTAN AHMAD**

Sultan Ahmad merupakan pemerintah pertama negeri Pahang yang memakai gelaran sultan diawal namanya. Sebelum bergelar sultan, baginda dikenali sebagai Bendahara Wan Ahmad. Baginda mempunyai pengikut yang ramai termasuk pembesar yang setia disampingnya. Dato' Bahaman, Tok Gajah, Maharaja Perba Jelai bukan nama asing sebagai penasihat sultan yang utama. Pemerintahan tradisi di Pahang menyebabkan rakyat dan para pengikutnya memberi kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Sultan Ahmad. Justeru kedatangan penjajah British begitu menjejaskan hubungan dua hala antara raya dan pemerintah. Maka tidak hairanlah perasaan yang dipendam rakyat dan para pembesar mencetuskan sebuah peristiwa yang besar iaitu peristiwa pemberontakan Pahang. Berhadapan dengan peristiwa pemberontakan Pahang tersebut menampilkan kredibiliti hebat Sultan Ahmad dalam menangani situasi genting di negeri Pahang sekitar tahun 1891 sehingga 1895. Justeru antara kredibiliti Sultan Ahmad yang akan dibincangkan berdasarkan perjalanan kisah peristiwa pemberontakan Pahang ialah bijaksana, tenang, tegas, bersiap siaga, prihatin, pengasih dan berpandangan jauh.

### *a. Bijaksana*

Sultan Ahmad merupakan seorang yang bijaksana. Berhadapan kelicikan pihak British yang membangkitkan pelbagai isu dan alasan untuk meluaskan pengaruh mereka di Pahang menyebabkan Sultan Ahmad perlu bijaksana untuk berhadapan situasi tersebut. Antara peristiwa yang dirakamkan sebelum peristiwa pemberontakan Pahang adalah tindakan Sultan Ahmad yang mula mengambil pendekatan untuk memenangi hati pihak British dan dalam waktu yang sama kedudukan baginda tidak terjejas. Antara dalam bidang ekonomi negeri Pahang, baginda telah memperkenalkan dasar membuka peluang perniagaan seluas-luasnya dengan mengalu-alukan kemasukan pelabur asing ke negeri Pahang terutama orang Eropah (Jang Aisjah, 1972). Selain itu, Sultan Ahmad juga mengenakan sewa ke atas tanah-tanah di Pahang kepada pemegang-pemegang konsesi sebanyak \$1000 sebulan (Aruna, 1993). Meskipun tindakan tersebut menyebabkan timbul rasa tidak senang hati pada sesetengah pihak terutama pembesar negeri, namun tindakan Sultan Ahmad tersebut tepat ketika baginda sendiri sedang berhadapan tekanan dengan pihak British. Kemungkinan jika tindakan tersebut tidak diambil, baginda akan terus hilang kuasa dan kedudukan sebagai pemerintah tradisi tertinggi rakyat Pahang.

### *b. Tenang*

Sultan Ahmad bersikap tenang sepanjang peristiwa pemberontakan Pahang. Perkara ini jelas ketika baginda berhadapan dengan penjajah British yang sering mendesak baginda untuk membuat keputusan cepat berkenaan dengan pentadbiran negeri Pahang. Jika dilihat sebelum berlakunya peristiwa pemberontakan Pahang tersebut, Sultan Ahmad dilihat tenang dalam membuat keputusan untuk menerima penasihat British sebagai residen di Pahang. Baginda bertindak melengah-lengahkan keputusan dengan menyatakan mahu membuat perbincangan dahulu dengan para pembesarnya terhadap sesuatu perkara (Linehan, 1936). Tindakan tersebut menyebabkan pihak British menjadi tertunggu-tunggu dan tidak dapat menjangka dengan tepat sebarang kemungkinan yang akan berlaku di pihak Sultan Ahmad.

Pada Disember 1889, Sultan Ahmad telah berpindah ke Pulau Tawar kerana dikatakan berduka dengan tindakan British yang tidak menjadikan baginda sebagai Ahli Majlis Tertinggi negeri Pahang (Pahang Annual Report 1890). Namun tindakan yang dianggap sebuah penentangan pasif Sultan Ahmad merupakan reaksi tenang beliau sebagai seorang pemimpin tradisi negeri. Ini kerana Pulau Tawar akhirnya menjadi sebuah kubu untuk merencanakan penentangan terhadap British. British sememangnya gagal menghidu perancangan Sultan Ahmad (Jang Aisjah, 1972).

### *c. Tegas*

Sultan Ahmad juga merupakan seorang sultan yang tegas. Banyak sekali tindakan yang disusun baginda khususnya semasa peristiwa pemberontakan Pahang yang membuktikan baginda berperibadi tegas bukan sahaja kepada rakyat negeri Pahang malah kepada pihak British juga. Antara ketegasan yang ditunjukkan oleh baginda dan digeruni oleh pihak penjajah ialah tindakan baginda yang mengarahkan tiada serbuan atau serangan terhadap pejuang Pahang dengan memberi alasan bahawa pada ketika itu adalah bulan puasa (Aruna, 1993). Pihak British terpaksa mengikut arahan Sultan Ahmad dan keadaan ini berjaya melengahkan pasukan British untuk mengejar dan menangkap pejuang-pejuang Pahang.

#### **d. Bersiap siaga**

Bersiap siaga bermaksud sentiasa bersedia. Sultan Ahmad dilihat sebagai seorang pemerintah yang sentiasa bersiap siaga dengan pelbagai perancangan dan strategi. Menariknya ia amat sukar dihidu oleh pihak British malahan rakyat Pahang juga musykil apakah pendirian Sultan Ahmad terhadap kedudukan penjajah British dan juga pemberontakan pembesar Pahang tersebut. Justeru untuk mengelak kecelaruan dan kebimbangan wujudnya hubungan baik Sultan Ahmad dengan pemberontak, baginda mula bertindak menyusun strategi. Pada 29 Disember 1891 baginda menghantar Tengku Mahmud, beberapa orang ketua dan disertai 200 pengikut bersama-sama Clifford yang turut disertai oleh Inspektor Summer dan 60 orang polis Sikh ke Kuala Semantan (Pahang Annual Report 1891). Ketika ini anjuran penangkapan pemberontak dan tawaran hadiah berupa wang telah diisytiharkan sebagai ganjaran untuk menangkap pemberontak yang semakin mengganas di Pahang. Tindakan ini juga untuk terus memadamkan anggapan British bahawa wujudnya kerjasama Sultan Ahmad dengan pihak pemberontak. Tindakan Sultan Ahmad ini untuk meyakinkan pihak British bahawa beliau sentiasa berusaha untuk mengekang pemberontakan yang meletus di Pahang selain ganjaran berupa wang dibuat adalah langkah-langkah yang sama dibuat di Perak ketika peristiwa pembunuhan J. W. W Birch dahulu. Tindakan ini pada pandangan Sultan Ahmad juga akan berjaya sama seperti di Perak.

Tindakan Sultan Ahmad dalam usaha menunjukkan kesetiaan baginda kepada pihak British diterima walau tidak sepenuhnya. Baginda sendiri sedar bahawa diri baginda diperlukan untuk mengekang pemberontakan yang terus berlaku. Begitu juga dengan pihak British yang yakin perlu mengekalkan kedudukan Sultan Ahmad untuk menumpaskan pemberontakan tersebut. Keyakinan tersebut juga atas faktor baginda merupakan seorang yang berdaulat dan disanjung oleh seluruh rakyat. Di samping itu, faktor lain yang memerlukan perkhidmatan Sultan Ahmad terus kekal kerana rakyat semakin sedar akan kesan buruk hasil dominasi British ke atas negeri Pahang. Pengekalan status Sultan Ahmad dilihat akan mengelak ancaman besar daripada penduduk tempatan meskipun terdapat peratusan penduduk yang menentang sultan ia hanyalah jumlah yang kecil sahaja.

Alasan-alasan yang diguna pihak British untuk menjemput sultan terlibat sama dalam usaha mengekang pemberontakan ini disambut baik oleh Sultan Ahmad. Baginda yang meyakini bahawa keadaan ini dapat mengekang pendapat mengatakan baginda terlibat sama sebagai seorang penyokong kuat para pemberontak. Baginda juga sedar sekiranya baginda menolak jemputan tersebut ia akan mengundang satu musibah yang lebih besar. Justeru sebagai tindak balasnya baginda telah menulis surat kepada Gabenor Smith menyatakan bahawa baginda bersetuju dan bersedia untuk menumpaskan pemberontak namun syaratnya ialah baginda mahu bersama-sama orangnya sendiri jika dibekalkan dengan senjata (C. O 273/179).

Tindakan yang dibuat Sultan Ahmad ini adalah merupakan sebuah strategi untuk mengelak British menyangka bahawa baginda telah berpaling tadah selain untuk memperdayakan British bahawa baginda merupakan seorang yang setia. Kesiediaan ini juga dibuat atas dasar baginda mahu mengekalkan kedaulatannya selain tidak mahu dipecat oleh pihak British dengan sewenang-wenangnya. Sultan Ahmad juga seperti Dato' Bahaman mahu

mengusir British daripada terus menjajah Pahang. Meskipun keadaan dan sikap baginda sentiasa diperhatikan oleh pentadbir-pentadbir British termasuk Rodger namun ia masih menjadi tanda tanya dan baginda berjaya menyembunyikan niat sebenarnya. Para pembesar dan rakyat jelata juga gagal membaca apa yang direncanakan oleh baginda sehingga ada dalam kalangan mereka yang kecewa apabila Sultan Ahmad menunjukkan tanda sokongan baginda kepada British dengan menyertai kumpulan untuk menumpaskan pemberontak (Aruna 1993).

#### *e. Pengasih*

Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang pengasih. Semasa peristiwa pemberontakan berlangsung, Sultan Ahmad telah mula menyusun tindakannya. Baginda mengumumkan bahawa Dato' Bahaman sebagai pengkhianat dan tawaran untuk menangkapnya. Pada masa yang sama sultan juga menawarkan ekspedisi yang lebih hebat sekiranya baginda disediakan senapang dan peluru. Justeru kerajaan British menyediakan sebanyak 200 senapang, 10 000 peluru dan 7 senjata api dan pada 14 Januari Sultan Ahmad telah memberi titah untuk mengetuai ekspedisi itu sendiri. Hari berikutnya baginda bersama Rodger berserta 1000 orang lelaki memasuki daerah Semantan dalam waktu sama Clifford mengundur diri dari Kuala Lipis. Mereka menemui beberapa rintangan kecil dan pada 31 Januari sultan menyertai Syers di Bentong dan memusnahkan 12 buah kubu sepanjang perjalanan mereka (Morrah 1963).

Manakala Noriah (1996) pula mencatatkan bahawa Sultan Ahmad tiba di Temerloh pada 18 Januari bersama J. P Rodger. Gerakannya dimulai pada tanggal 22 Januari ditemani oleh Tengku Ali (anak Sultan Ahmad), Rodger, panglima Garang Yusuf, Saiyid Ali Badoh dan Abdullah dari Bera. Kekuatan pasukan ini terdiri daripada 500 orang termasuk askar Melayu dan Sikh, 140 daripada mereka mempunyai senjata api. Pasukan ini berjaya menawan kubu Batu Ampar dan menewaskan dua orang ketua daerah kecil sebagai pembalasan atas penderhakaan mereka. Tetapi Dato' Bahaman sendiri tidak pernah dijumpai oleh pasukan tersebut walaupun beliau berada di tebing Sungai Semantan bersama Selampit menanti ketibaan sultan. Selampit hendak menyumpit Rodger bila melihatnya di dalam perahu Sultan Ahmad tetapi perbuatan ini telah disekat oleh Dato' Bahaman kerana takut terkena sultan. Dato' Bahaman dalam pada itu pergi bertemu Raja di dalam kehadirannya tidak disedari oleh pengawal-pengawalnya. Beliau mengadu hal dan meminta bantuan daripada sultan. Sultan dan Tengku Ali yang sebenarnya kasih terhadap Dato' Bahaman memberikan bantuan secara sulit.

Kemudian, pada awal bulan Mei 1892 berlaku pula pertempuran atau rusuhan kedua namun ia hanya berlaku dalam keadaan yang sangat singkat. Kali ini pasukan ditambah menjadi 1000 orang. Dalam gerakan ini Sultan tidak membenarkan polis Sikh atau orang-orang Eropah ikut serta ke Semantan supaya orang-orang Dato' Bahaman tidak merasa takut atau gentar. Baginda bersama-sama Tengku Ali, Tok Gajah, Orang Kaya Chenor dan Orang Kaya Temerloh mudik ke Lubuk Terua. Di sini Dato' Bahaman telah pergi mengadap Sultan Ahmad. Sultan memujuk beliau supaya berundur untuk mengurangkan penderitaan rakyat dari tindakan ganas pihak Inggeris (Linehan 1936).

#### *f. Berpandangan Jauh*

Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang berpandangan jauh. Ketika kemuncak pemberontakan berlangsung, Sultan Ahmad dilihat menyusun pelbagai strategi supaya semua perkara berlangsung dan berkesudahan baik. Kelihatan strategi yang tersusun dibuat baginda

dalam menghentikan pemberontakan yang berlaku selain bertujuan untuk menutup penglibatan baginda dalam membantu para pemberontak

Pada pandangan pengkaji penglibatan secara tersembunyi Sultan Ahmad dalam memberi sokongan kepada pemberontak Pahang yang diketuai oleh Dato' Bahaman sudah bermula sejak awal lagi. Pengkaji suka menandakan hubungan tersebut bermula dengan perlucutan gelaran Dato' Bahaman sebagai Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan. Ini merupakan tindakan yang julung-julung kali dibuat ke atas orang paling rapat dengan sultan. Perlucutan gelaran tersebut menandakan tamatnya kuasa Bahaman sebagai Ketua Semantan. Ini merupakan strategi yang tidak dapat dijangka oleh pihak Inggeris yang merasakan tindakan Sultan Ahmad adalah semata-mata hanya mengikut arahan mereka sahaja supaya melucut jawatan Dato' Bahaman atas faktor kedegilannya.

Aruna (1993) telah menghuraikan isu ini dengan begitu cantik dan kemas. Beliau menghuraikan meskipun perlucutan jawatan Dato' Bahaman ini dilihat sebagai sebuah bentuk kerjasama antara Sultan Ahmad dan pihak British namun sebenarnya terdapat helah yang tersembunyi di dalamnya. Ini kerana apabila Sultan Ahmad memecat jawatan Bahaman secara sah hasil nasihat Tengku Mahmud sebagai orang tengah antara pihak British dan Sultan Ahmad, baginda sebenarnya yakin bahawa hanya Dato' Bahaman sahaja yang mampu menentang British secara terbuka dan bersenjata. Semua tindakan ini dibuat untuk mendapatkan semula kuasa pemerintahan tradisional Melayu yang telah jatuh ke tangan penjajah British.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang berkredibiliti tinggi. Kedudukan beliau sebagai seorang pemerintah tertinggi tradisi pada penghujung abad ke-19 Masihi memerlukan beliau cekap mengurus dan menjangkakan sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Berhadapan dengan penjajah British yang giat meluaskan pengaruh dan kuasa memperlihatkan Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang berjiwa rakyat. Penulisan ini merumuskan terdapat enam sikap Sultan Ahmad yang mempamerkan kredibiliti beliau yang tiada terbilang. Enam sikap tersebut ialah bijaksana, tenang, tegas, pengasih, bersiap siaga dan berpandangan jauh. Himpunan sikap-sikap ini menjadikan Sultan Ahmad seorang yang disegani dan disayangi rakyat serta digeruni pihak penjajah British.

## **RUJUKAN**

- Aruna Gopinath. 1993. *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Selangor:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Linehan, W. 1936. History of Pahang. *JMBRAS*. Vol XIV part II:44-199.
- Ismail, A. S., Shah, N. Z., Mujani, W. K., & MdRessad, I. S. (2014). Scholars' Jihad Ta'limi in pahang during the 19<sup>th</sup> Century. *Middle - East Journal of Scientific Research*, 20(12). <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.20.12.21111>
- Mujani, W. K., Ismail, A. S., Resad, I. S. A. M., & Shah, N. Z. (2014). Sultan Ahmad: The dilemma between the local rebels and British colonialists in Pahang at the end of the 19<sup>th</sup> century. *Asian Social Science*, 10(3). <https://doi.org/10.5539/ass.v10n3p205>



- Noriah Sulung. 1996. Dato' Bahaman: Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan. (Pnyt. Norazit Selat). Dlm *Pahang Dahulu dan Sekarang*. hlm: 34-56. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Morra, Patrick. 1963. The History of The Malayan Police. *Journal of The Malayan Branch of Royal Asiatic Society*. Vol 36 Part 2 No 202: 76-88.